



19 JUN, 2025

## Cukai karbon belum sesuai dilaksanakan



Utusan Malaysia, Malaysia

# Cukai karbon belum sesuai dilaksanakan

**PETALING JAYA:** Pelaksanaan cukai karbon tidak sesuai dilaksanakan dalam masa terdekat.

Timbalan Presiden, Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Beninder John berkata, sebaliknya kerajaan ketika ini perlu memberi penekanan terhadap peningkatan taraf dan kos sara hidup yang dihadapi rakyat.

Katanya, sebarang pengenaan cukai baharu seperti pelaksanaan cukai karbon akan mem-

berikan kesan rantai kepada pengguna.

"Setiap cukai yang dikenakan sudah pasti akan mempengaruhi aspek harga barang, secara langsung ataupun tidak langsung."

"Mekanisme pelaksanaan dan kesan pelaksanaan rasionalisasi RON95 terhadap kos sara hidup pun masih belum dapat dinilai, inikan pula ke arah cukai karbon."

"Malaysia adalah ekonomi yang masih membangun dan oleh yang demikian keutamaan harus tepat. Biarkan negara-negara maju menerajui pelaksanaan cukai karbon tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini dilaporkan, rasionalisasi subsidi petrol antara langkah awal akan diambil sebelum pelaksanaan cukai karbon yang dijadualkan pada 2026 dalam usaha mencapai sasaran

jangka panjang untuk mencapai sifar bersih menjelang tahun 2050.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, konsep cukai karbon merupakan satu mekanisme untuk 'memaksa' industri beralih kepada operasi lebih hijau, namun asas yang baik perlu ditetapkan sebelum ia dilaksanakan.

Sebelum ini, kerajaan akan memperkenal beberapa cukai

antaranya semakan semula cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan cukai dividen dua peratus kepada individu yang menerima pendapatan dividen lebih RM100,000 setahun.

Pada Julai ini juga akan memperlhat bahawa perubahan tarif baharu asas elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) namun 'cukai' secara langsung ke atas bil elektrik tidak akan dikenakan kepada pengguna akhir.